

Aspek perburuhan dan permodalan dalam ekonomi Melayu: Persoalan dominasi ekonomi komuniti imigran zaman permulaan kapitalisme

ABSTRAK

Dalam konteks Malaysia, isu yang sering dikaitkan dengan impak negatif kapitalisme ialah dominasi ekonomi oleh komuniti bukan Melayu yang menyebabkan ekonomi masyarakat Melayu jauh ketinggalan. Pandangan ini dikaitkan dengan legasi penjajahan yang merujuk kepada kedatangan kapitalisme di Tanah Melayu pada pertengahan kedua abad ke-19. Fenomena ini dilihat sebagai fakta penting yang membawa kepada dominasi ekonomi komuniti imigran terutama sekali kaum Cina di Tanah Melayu. Tujuan makalah ini ditulis adalah untuk memaparkan sudut pandang sejarah bahawa dominasi ekonomi oleh komuniti imigran ini bukanlah semata-mata kerana peluang ekonomi yang diberikan kepada mereka oleh pihak pemerintah Kolonial. Malahan, pendekatan yang sama telah dilaksanakan oleh pemerintah Melayu sebelumnya yang banyak memberikan peluang ekonomi kepada komuniti imigran Cina dan Arab dalam bentuk konsesi dan perkongsian modal sehingga mewujudkan apa yang didakwa sebagai 'dominasi ekonomi' oleh komuniti imigran. Kejayaan mereka ini sebenarnya disebabkan penglibatan dengan ekonomi berdasarkan wang yang dikaitkan dengan merkantalisme yang mendahului zaman kapitalisme. Sebaliknya, ekonomi berdasarkan wang dalam kalangan masyarakat Melayu pada era kapitalisme masih marginal. Justeru, masyarakat Melayu masih sulit menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi hasil daripada pengamalan sistem ekonomi Kapitalisme.